

13 APR 1998

Kompleks

DR MAHATHIR LANCAR KOMPLEKS BEBAS CUKAI JB SABTU INI

JOHOR BAHRU, 13 April (Bernama) -- Perdana Menteri Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan kompleks bebas cukai Johor Baharu, antara yang terbesar di rantau ini, pada Sabtu ini.

Kompleks di atas tapak seluas 6.8 hektar itu terletak di Jalan Ibrahim dan berhadapan dengan Stesen Janakuasa Senoko di Singapura.

Kompleks itu yang menawarkan kemudahan beli-belah bebas cukai setempat, hiburan dan tempat makan, pengangkutan, kemudahan penginapan dan konvensyen, dimajukan oleh Kelana Megah Sdn Bhd, anggota Sriwani Holdings Bhd, syarikat pelbagai yang disenaraikan.

Kenyataan yang dikeluarkan di sini hari ini menyatakan kompleks itu mempunyai podium beli-belah yang terdiri daripada empat tingkat termasuk tingkat bawah tanah serta mempunyai keluasan 30,000 meter persegi bagi ruang runcitan dan lebih 180 lot kedai butik.

Hotel Eden Garden, bahagian penting kompleks itu, adalah satu-satunya hotel di sini yang mempunyai pemandangan menghadap terus ke laut manakala Pusat Ekspo JB yang dilengkapi dengan sistem elektronik, cahaya dan bunyi canggih, boleh memuatkan sehingga 5,000 orang.

Komponen lain kompleks berkenaan ialah Terminal Feri Antarabangsa Johor Baharu yang dilengkapi dengan kemudahan moden bagi perkhidmatan feri ke Tanah Merah di Singapura, Pulau Batam dan Bintan di Indonesia dan Tanjung Belungkor, berhampiran Desaru.

Terminal itu juga mempunyai hubungan terus ke beberapa pelabuhan penumpang serantau di kepulauan Riau, Tioman and Pulau Sibiu.

Menurut kenyataan itu terminal feri berkenaan juga mempunyai empat dermaga dan kemudahan untuk mengendalikan ketibaan lapan feri sejam. --

BERNAMA

MKO OS NMO